

# Keputusan Lembaga Disiplin muktamad

BH - 8 MAY 2001

Oleh Hassan Omar, Johari Ibrahim dan Siti Zauyah Saedon

KANGAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan Lembaga Disiplin Umno menggantung enam pemimpin yang terabit dengan politik wang pada pemilihan bahagian baru-baru ini, adalah muktamad.

"Walau ada rayuan, pujuhan, hulur wang, menangis... keputusan itu dianggap muktamad," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno pada majlis perjumpaan khas bersama ahli Umno Perlis di kediaman rasmi Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, di sini hari ini.

Bagaimanapun, pada sidang akhbar di Sintok, Kedah petang ini pula Dr Mahathir menjelaskan bahawa kenyataannya mengenai keputusan Lembaga Disiplin itu muktamad hanya pendapat peribadinya dan bukan sebagai arahan dari presiden parti serta tidak semestinya dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Dalam MT, bukan semua pendapat saya diterima. Jika mereka tidak setuju, mereka tidak setuju," katanya.

"Kita akan dengar rayuan mereka kalau dia (enam pemimpin Umno) rayu, tetapi kita tidak boleh dengan begitu mudah dengar begitu saja. Kita telah lantik satu badan khusus untuk menyiasat.

"Kita perlu memberi pertimbangan yang waras kepada keputusan yang dibuat. Kalau tidak, tiada siapa yang sanggup menganggotai badan seumpama itu," katanya ketika diminta mengulas lebih lanjut ucapannya sebelum itu.

Dr Mahathir bagaimanapun menjelaskan kenyataannya mengenai keputusan Lembaga Disiplin itu adalah muktamad, hanya pendapat peribadi beliau dan bukan arahan presiden parti serta tidak semestinya dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) Umno

---

## Di Muka 4

100 ketua cawangan buat rayuan kepada MT

Mustapha Kamal dakwa dirinya teraniaya

---

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa Lembaga Disiplin membuat keputusan selepas siasatan rapi.

"Tiada siapa mengatakan mereka terabit, tetapi daripada fakta kita tahu mereka terabit," katanya selepas berdialog dengan Majlis Perwakilan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok.

Terdahulu, dalam ucapannya di sini, Perdana Menteri berkata, hukuman terhadap enam pemimpin terabit akan berkuat kuasa selepas MT Umno membuat keputusan. MT dijangka mengadakan mesyuaratnya esok.

Dr Mahathir berkata, MT akan menyokong keputusan Lembaga Disiplin sebagai bukti Umno berusaha keras dan serius membanteras politik wang.

"MT akan terima laporan daripada Lembaga Disiplin, saya akan beri pandangan bersama MT... pendapat saya

ialah kita mesti sokong (hukuman itu)," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berada di Perlis untuk menghadiri upacara pertabalan Raja Perlis di Istana Arau.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan parti akan kehilangan sokongan daripada mereka yang dikenakan hukuman itu, tetapi menegaskan bahawa beliau secara peribadi tidak mahu ahli yang mengamalkan politik wang, terus berada dalam parti kerana ia akan memburukkan imej Umno.

"Orang akan pandang jijik kepada Umno kerana satu daripada sebabnya pemimpin dipilih secara rasuah. Adakah rakyat akan menyokong pemimpin yang kotor macam ini," katanya.

Sabtu lalu, Lembaga Disiplin Umno mengumumkan enam pemimpin Umno, ter-

# Rakyat jauhi Umno jika politik wang berleluasa

## DARI MUKA 1

masuk tiga ketua bahagian bersalah kerana terabit dengan politik wang pada pemilihan bahagian baru-baru ini.

Mereka ialah Ketua Umno Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohammad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Umno Bahagian Padang Serai, Zaki Din; Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Zainol Md Isa; Ketua Penerangan Umno Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Hukuman terhadap mereka, termasuk digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan hilang hak me-

ngundi pada pemilihan parti di semua peringkat sepanjang tempoh itu.

Perdana Menteri berkata, rakyat akan menjauhi Umno jika parti tidak mengambil tindakan terhadap pemimpin yang mengamalkan politik wang.

"Jadi jangan marah jika saya tegas sikit kali ini... saya dah buat macam-macam... merayu, mena-ngis di atas pentas dan berdoa," katanya.

Mengambil contoh pesakit kencing manis, Dr Mahathir berkata, anggota tertentu pesakit perlu dipotong jika ia boleh menyebabkan mudarat kepada anggota lain, termasuk kematian.

"Saya doktor perubahan, perlu mengubati pesakit, walaupun kadang-kadang dengan cara radikal... yang mana tidak elok, kita akan potong.

"Walaupun marah, sedih dan benci kepada Mahafiraun ini, tidak ada jalan lain ubatnya ialah kena potong. Kalau sayangkan parti, tolak pemimpin yang kotor," katanya.

Beliau berharap ahli Umno mengutamakan parti daripada kepentingan peribadi demi masa depan negara.

"Kalau masuk Umno, tapi tak sayangkan parti, pentingkan diri... mereka patut disingkirkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga pernah dipinggirkan daripada Umno suatu ketika dulu, tetapi masih tetap sayangkan parti itu.

"Saya dulu kena buang (singkir daripada Umno), bila panggil masuk, saya masuk balik.

"Dulu ada pemimpin

yang tentang saya, Dollah Badawi (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi), Tengku Razaleigh Hamzah, Hamid Albar (Datuk Seri Syed Hamid Albar), Kadir (Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir) dan Radzi (Datuk Radzi Sheikh Ahmad), tapi mereka masih tetap sayangkan Umno," katanya.

Mereka kini masih berada dalam parti, walaupun pernah tidak sehaluan dengannya.

"Asalkan berjiwa Umno, saya tak ada hak hendak tolak mereka," katanya.

Dr Mahathir menegaskan Umno sepatutnya menjadi parti yang lebih kuat, tetapi kekuatan itu terjejas akibat perbuatan segelintir pemimpin yang pentingkan diri.

"Umno kuat tapi tidak seperti dulu, Pas tak kuat, tapi untung kerana kele-

mahan tertentu dalam Umno," katanya.

Katanya, dalam jangka masa lebih 50 tahun usia Umno, banyak perkara telah berubah, termasuk sikap dan sifat anggota Umno itu sendiri.

Antara perubahan itu ialah ada segelintir yang menyertai Umno semata-mata untuk mendapat keuntungan peribadi.

Sepatutnya, kata Dr Mahathir, mereka perlu menjadi anggota parti yang ikhlas dan tidak mudah merajuk apabila gagal dalam pertandingan.

Katanya, masalah yang berlaku sekarang ialah mereka yang tewas cepat merajuk dan membawa diri, manakala yang menang tidak mahu menerima yang kalah.

Jika keadaan itu berterusan, kekuatan Umno akan terjejas begitu juga

dalam usaha memenangi pilihan raya akan datang, katanya.

Dr Mahathir berkata, ada juga ahli parti yang menganggap tindakan yang dikenakan terhadap pengamal politik wang sebagai tidak adil kerana hanya segelintir yang dihukum.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan pemimpin yang tidak dikenakan hukuman kali ini, tidak akan terlepas jika parti mempunyai bukti terhadap kegiatan mereka.

"Ramai yang guna wang, tapi terlepas mungkin sebab orang tidak mahu cerita kerana yang mengamalkan itu rakan sendiri, jadi nampak seolah-olah (hukuman) tidak adil kerana bukan semua kena tindakan. Tetapi jika ada bukti kita akan ambil tindakan," katanya.